

Pakar tentukan perolehan senjata ATM elak ketirisan

Kuala Lumpur: Perolehan bekalan senjata yang diperlukan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan ditentukan oleh pakar berkaitan sebagai usaha untuk mengelak daripada sebarang ketirisan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, selain itu, kebanyakan urusan bagi perolehan aset akan dibuat menerusi pendekatan kerajaan dengan kerajaan (G2G) membabitkan negara masing-masing.

Kesiapsiagaan pertahanan melalui perolehan aset tambahan akan terus diperkukuh bagi memodenkan ATM yang bertugas sebagai benteng keselamatan negara.

“Kerajaan bersetuju untuk terus memperkukuh kesiapsiagaan pertahanan melalui perolehan aset tambahan seperti kenderaan perisai, dron, kapal misi pesisir, helikopter dan pesawat tempur ringan,” katanya.

Anwar yang juga Menteri Ke-

wangan berkata pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara mensyaratkan agar ketirisan dalam tatacara perolehan aset segera ditangani bagi menjamin kesiapsiagaan pertahanan negara.

Tingkat kawalan sempadan

Selain itu, Anwar berkata kerajaan akan mengoptimumkan kawalan keselamatan di sempadan negara melalui beberapa projek antaranya menaik taraf pusat kawalan operasi dan pem-

binaan baharu pangkalan operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

“Kerajaan juga akan menaik taraf Sistem Pengawasan Maritim Laut dan menara radar penderaan jauh, menaik taraf serta membina Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan di pintu masuk terpilih,” kata beliau.

Turut dilaksana pembinaan baharu pos kawalan keselamatan ATM di sepanjang sempadan Sabah dan Sarawak de-

ngan Indonesia selain bangunan pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia di Bintulu, Sarawak.

Anwar turut memaklumkan Dewan Rakyat bahawa hampir 55,000 kes jenayah siber dengan nilai kerugian mencecah RM1.8 bilion dilaporkan bagi tempoh 2021 hingga Julai lalu.

Sehubungan itu, kerajaan akan meminda undang-undang sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan memerangi kegiatan jenayah siber, katanya.